

SOALAN NO. : 16

**DEWAN RAKYAT MALAYSIA
PERTANYAAN LISAN**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : RAJA DATO' KAMARUL BAHRIN SHAH
[KUALA TERENGGANU]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2015 (RABU)

RUJUKAN : DR043

SOALAN:

Raja Dato' Kamarul Bahrin Shah [Kuala Terengganu] minta MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR menyatakan kenapakah Jabatan Alam Sekitar tidak mengambil langkah-langkah yang awal serta tegas dalam isu pengangkutan tanah Bauxite di Terengganu dan Pahang yang telah mencemar dan menjejas alam sekitar negeri yang memerlukan Kerajaan negeri mengeluarkan kenyataan dalam isu pencemaran alam oleh bahan Bauxite ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Akta Alam Sekeliling 1974 yang di kuatkuasakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) berkaitan pengangkutan, hanya diperuntukkan untuk mengambil tindakan ke atas pembebasan asap yang keluar daripada kenderaan melebihi daripada standard ditetapkan dan muatan yang membawa bahan berjadual. Selain daripada itu, ia adalah di luar bidang kuasa JAS.

Walau bagaimanapun, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) sangat komited dalam menangani masalah pencemaran akibat daripada aktiviti pengekstrakan bauksit di Kuantan. Dalam hal ini, NRE telah mengadakan pelbagai siri *engagement* dengan kementerian/jabatan/agensi yang berkaitan termasuklah bersama pihak Pejabat Tanah dan Galian (PTG) Negeri Pahang, Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD), Konsortium Pelabuhan Kuantan (KPC) dan persatuan pengusaha lombong dan pengangkutan di negeri Pahang.

Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) dan Jabatan Alam Sekitar (JAS) telah dipertanggungjawabkan terlibat secara langsung dalam memantau dan mengawal isu tersebut.

Tindakan oleh Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) Pahang seperti berikut:

- (i) Menetapkan syarat pembinaan *washing bay* dan mewajibkan pencucian lori;

- (ii) meminta pengusaha menyediakan , dan melaksanakan perancangan langkah kawalan hakisan dan kolam takungan hampas yang berkesan;
- (iii) menjalankan pemantauan habuk [dust profiling] dan persampelan air yang lebih kerap; dan
- (iv) Mengarahkan pengusaha perlu mendirikan papan tanda maklumat berkaitan operasi pengekstrakan bauksit.

Tindakan oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) seperti berikut:

- (i) Memantau kualiti air di kawasan sungai dan laut dan kualiti udara terutamanya bagi reseptor sensitif;
- (ii) Melaporkan status kualiti alam sekitar bagi membolehkan agensi-agensi yang berkenaan mengambil tindakan yang bersesuaian; dan
- (iii) Memantau dan mengambil tindakan tegas atas kegagalan mematuhi Notis Arahan yang dikeluarkan kepada *Kuantan Port Consortium*.

Sekian, terima kasih.